



005-*Fiqh Al-Tah}awwula>t*: Penafsiran Eskatalogi Berpanduan Syarak⁶⁰

*Mohd Hamidi bin Ismail⁶¹
Universiti Sains Islam Malaysia

*E-mel: hamidi@usim.edu.my

ABSTRAK

Persoalan mengenai petanda akhir zaman turut dinyatakan oleh wahyu dan dibincangkan oleh ilmuwan Islam dari berbagai perspektif, khasnya dari sudut Ilmu Akidah dan Tasawwuf. Dalam Islam, persoalan petanda akhir zaman atau dikenali juga sebagai *ashra}t} al-Sa}ah* tidak pernah diasingkan daripada perbincangan iman dan akhlak kerana akhir zaman termasuk dalam bahagian iman terhadap Hari Kiamat atau Akhirat dan penyucian hati dalam menghadapi fitnah-fitnah duniawi, khasnya fitnah terbesar yang dibawa oleh Dajjal. Membincangkan perkara ini, Habib Abu Bakar al-Adni} telah mempersembahkannya secara ilmiah melalui gagasan pemikiran yang sistematik dan diberi nama *Fiqh al-Tah}awwula>t*. Kertas kerja ini cuba mengupas gagasan pemikiran tersebut bagi mendapatkan pencerahan dan pemahaman awal berkenaan teras yang membentuk konseptual *Fiqh al-Tah}awwula>t* serta mengenalpasti objektifnya dalam menafsirkan petanda akhir zaman. Metode induktif, komparatif dan selainnya daripada metode kuantitatif akan digunakan untuk mencapai tujuan yang dimaksudkan. Dapatan awal yang diperolehi, *Fiqh al-Tah}awwula>t* memperkenalkan pendekatan yang berasaskan panduan syarak bagi memahami nas-nas berkaitan petanda akhir zaman. Di samping itu, *Fiqh al-Tah}awwula>t* berfungsi mengimbangi pelbagai tafsiran eskatalogi dan membatalkan tafsiran yang menyalahi syariat dan kefahaman Islam.

Kata kunci: Petanda akhir zaman, *Fiqh al-Tah}awwula>t*, Tafsiran, Eskatalogi, Syarak, Akidah, Tasawwuf.

ABSTRACT

The question of the signs of the world end are specified accordingly in the Islamic revelation and discussed thoroughly by Muslim scholars openly in various aspects, especially in Islamic Faith and Sufism. In Islam, the question of the signs also known in Arabic by *ashra}t} al-*

⁶⁰ Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika Dan Turath Islam 2022 (I-Stet 2022) pada 19 Oktober 2022. Anjuran Pusat Pengajian Teras, USIM.

⁶¹ Ph.D. Pensyarah Kanan Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Nilai, Negeri Sembilan. Emel: hamidi@usim.edu.my.



Sa> *'ah* never once discussed separately from the faith and ethic value due to the world end issue is a part of Day of Judgement believe and purification of the soul from the maligns, especially the most tedious brought by false Messiah. Habib Abu Bakar al-*'Adni*> has discussed the matter accordingly and presented it academically through a systematic discourse which named *Fiqh al-Tah}awwula*>*t*. This paper work will try to elaborate the discourse in quest to achieve the preliminary notion on the foundation which has established *Fiqh al-Tah}awwula*>*t* concept, along with intention to investigate its objective achievement in interpret all of the world end signs. Several research methods such as inductive and comparative from quantitative section are being used to achieve this paper work's objective. From the preliminary founding, *Fiqh al-Tah}awwula*>*t* verifies the Islamic revelation approach on understanding the signs of world end. Furthermore, *Fiqh al-Tah}awwula*>*t* manage to counter various eschatology interpretations and efficiently dispute false interpretation which against Islamic jurisprudence and dogma.

Keywords: Signs of world end, *Fiqh al-Tah}awwula*>*t*, Interpretation, Eschatology, Islamic jurisprudence, Islamic believe, Sufism.

PENDAHULUAN

Petanda akhir zaman atau disebutkan juga sebagai *ashra*>*t} al-Sa*> *'ah* berbeza dengan perkara yang terkandung dalam bahagian keimanan kepada Hari Akhirat atau Hari Kiamat yang menjadi salah satu rukun dalam Rukun Iman. *Ashra*>*t} al-Sa*> *'ah* berkait dengan kejadian-kejadian yang menjadi petunjuk kepada berlakunya kemusnahan total dunia ini, sementara keimanan kepada Hari Akhirat adalah perbincangan akidah bagi menghasilkan keyakinan bahawa akan berlaku kemusnahan abadi dunia ini, serta keyakinan terhadap apa yang berlaku ke atas manusia setelah kemusnahan tersebut, seperti kebangkitan sesudah mati, tiupan sangkakala, *al-S}ira*>*t}* (titian), *al-H}isa*>*b* (penghisaban), *al-Miza*>*n* (pertimbangan), syurga dan neraka. Perbezaan antara *ashra*>*t} al-Sa*> *'ah* dan keimanan pada Hari Akhirat adalah jelas sekalipun dalam kalangan awam berlaku kekeliruan ringan disebabkan oleh kurang pengetahuan dan pemahaman mereka.

Perbezaan menjadi lebih ketara apabila dilihat dari sudut skop perbahasan dan metode yang digunakan bagi memahami *ashra*>*t} al-Sa*> *'ah* dan keimanan dengan Hari Akhirat. Membahaskan tentang *ashra*>*t} al-Sa*> *'ah*, ia berpaksikan kejadian-kejadian yang diberitakan oleh nas serta penjelasan ilmuwan Islam dan ahli sejarah, yang mana tempoh kejadian-kejadian itu mula diperhatikan dari masa kewafatan Rasulullah SAW sehingga binasa alam ini. Ia berbeza dengan perbahasan tentang iman dengan Hari Akhirat kerana perbahasannya menyentuh perkara-perkara atau kejadian-kejadian pada alam abadi, selepas binasa alam atau bermula dari alam barzakh. Metode membahaskan perkara atau kejadian tersebut juga berbeza, kerana hanya mengambil kefahaman yang menyeluruh daripada nas-nas yang berkaitan, yang dikategorikan sebagai nas *al-Sam'iyya*>*t* (yang diperdengarkan oleh wahyu). Manakala metode membahaskan tentang petanda akhir zaman mengandungi unsur pemikiran, kajian politik dan demografi semasa, penyaringan maklumat sejarah serta penaakulan masa hadapan, penyelarasan nas dan penghayatan mendalam terhadap amalan dan kefahaman yang berkait



dengan akhir zaman. Justeru, ilmu berkenaan petanda akhir zaman sentiasa mengalami revolusi serta penambahan, sesuai dengan perkembangan yang berlaku di dalam dunia dan kemunculan petanda-petanda akhir zaman.

Mutakhir ini, Habib Abu Bakar al-‘Adni> RH, tokoh ilmuwan Islam berketurunan *ahl al-bayt* yang berasal daripada Yaman, bertanggungjawab mempersembahkan sebuah tafsiran baru terhadap petanda akhir zaman. Beliau menghubungkan maklumat-maklumat yang diperincikan daripada *al-Qur’a>n* dan hadis Nabi SAW dengan catatan serta kronologi sejarah, di samping mengadun dengan cermat informasi daripada pelbagai sumber, khususnya pergolakkan yang melanda saentero dunia politik dunia, kemudian beliau bentangkan dapatan hasil mengikut bacaan suasana yang dialami umat Islam, sepertimana petanda-petanda akhir zaman yang disebutkan nas, dari mula ia muncul sehingga pada saat ini. Habib al-‘Adni> mengikat pembentangannya dengan solusi *rabba>ni>* (ketuhanan) sehingga setiap petanda akhir zaman yang disebutkan memiliki sudut hikmah yang mengajarkan sesuatu kepada manusia khusus buat umat Islam.

Rangkuman yang dibawa oleh Habib al-‘Adni> merupakan sebuah gagasan pemikiran yang memberi faham pada dua tahap, iaitu kognitif dan juga praktikal. Oleh itu, gagasan terbabit diperkenalkan oleh Habib al-‘Adni> sebagai *Fiqh al-Tah}awwula>t* atau boleh dimaknakan sebagai ‘kefahaman berevolusi’ atau ‘faham progresif’ atau pengkaji sendiri lebih cenderung memaknakan sebagai ‘kefahaman dinamik’. Mengapa dimaknakan sedemikian kerana tumpuan *Fiqh al-Tah}awwula>t* adalah menyediakan penyelesaian terhadap kerumitan dalam memahami nas-nas berkenaan petanda akhir zaman, di samping memberi jalan keluar daripada kekeliruan dalam memilih cara yang tepat (terbaik) bagi menyelamatkan diri daripada bahana dan bahaya akhir zaman. Dinamikanya terletak pada pemahaman yang ditekankan adalah mengikut realiti semasa, begitu juga pendekatan cara yang diambil, ia mesti relevan dan sesuai dengan keupayaan semasa manusia.

PERKAITAN *FIQH AL-TAH}AWWULA<T* DENGAN RUKUN AGAMA DAN ESKATALOGI

Ciri dinamik *Fiqh al-Tah}awwula>t* tidak menjadikannya terdedah kepada kemasukan tafsiran akli, falsafah dan fiksyen, sebagaimana yang kerap berlaku ke atas sejumlah besar tafsiran eskatalogi. Kriteria atau *d}awa>bit}* yang membina *Fiqh al-Tah}awwula>t* adalah nas-nas wahyu yang dihimpunkan secara kolektif, yang mana setiap daripada nas terbabit dianalisis menggunakan metodologi ilmiah Islam yang menekankan pemantapan akidah, keluhuran akhlak dan pengamalan syariat.

Prinsip yang membina kriteria *Fiqh al-Tah}awwula>t* berdasarkan ikatannya dengan rukun-rukun utama dalam Islam; Rukun Iman, Islam dan Ihsan (Tasawwuf). Bahkan kemuncak pengamalan dan implikasi setiap daripada rukun-rukun yang disebutkan ini dapat diukur daripada pemahaman dan aplikasi *Fiqh al-Tah}awwula>t*. Ini berikutan pelaksanaan *Fiqh al-Tah}awwula>t* pada ketika munculnya petanda akhir zaman yang dijustifikasikan sebagai fitnah dan ujian buat para mukminin khususnya. Iktikad, ibadat dan akhlak mereka teruji dengan



sebesar-besar ujian dengan bertambah hampirnya masa ke penghujung akhir zaman. Oleh itu, mereka memerlukan kefahaman dinamik yang memampukan mereka menghadapi fitnah serta ujian akhir zaman di samping memelihara keyakinan akidah, kelestarian ibadat dan keluhuran akhlak sebagai muslim sebenar.

Dari sini perkaitan *Fiqh al-Tah}awwula>t* dengan rukun-rukun utama dalam Islam dilihat tidak terpisah malah *Fiqh al-Tah}awwula>t* melengkapinya daripada rukun-rukun terbabit. Justeru, kedudukan keempat-empat perkara ini – Rukun Iman, Islam, Ihsan dan *Fiqh al-Tah}awwula>t* – berada pada tahap yang sama, iaitu utama dan penting dalam Islam. Akan tetapi *Fiqh al-Tah}awwula>t* merupakan gagasan pemikiran yang dibentuk lewat era salaf *al-s}alih* yang memerlukan justifikasi keabsahan kedudukannya, seperti Ilmu Akidah merujuk perbincangan Rukun Iman, Fiqh atau Ilmu Fikah merujuk Rukun Islam dan Ilmu Tasawwuf merujuk Rukun Ihsan. Hal ini secara hakikatnya tidak mempunyai masalah kerana justifikasi yang diperlukan telah dimenterai dalam nas sama yang menjustifikasi ketiga-tiga rukun yang disebutkan. Nas yang dimaksudkan ialah ‘hadis Jibril’ yang turut membicarakan petanda akhir zaman setelah membicarakan tentang Iman, Islam dan Ihsan⁶². Selaras dengan turutan demikian, petanda akhir zaman dikategorikan sebagai Rukun Ke-empat⁶³. Jelasnya penjenamaan *Fiqh al-Tah}awwula>t* adalah ijihad berpandukan nas mutawatir yang mempunyai kepentingan sepertimana kepentingan yang terdapat pada akidah, syariat dan akhlak kepada umat Islam mempelajarinya. Ia melengkapkan pembelajaran Islam sebagaimana ratifikasi Nabi SAW sendiri pada akhir hadis “itulah Jibril, datang mengajarkan kalian tentang agama kalian”⁶⁴.

Sekalipun difahami sebagai bahagian dalam agama, petanda akhir zaman mempunyai *d}awa>bit* (kriteria) berbeza daripada tiga rukun yang lain. *D}awa>bit* petanda akhir zaman berubah-ubah (*mutaghayyir*) sementara tiga rukun yang lainnya sabit dan kekal (*mustaqqir*). Perihal *mutaghayyir* pada *d}awa>bit* petanda akhir zaman berpunca daripada perkaitan petanda terbabit dengan perubahan masa atau kondisi suasana yang dialami dunia, sementara *d}awa>bit* Rukun Iman, Islam dan Ihsan berkait dengan kehidupan umat Islam secara peribadi atau berkumpul dalam sudut pegangan, pengamalan dan tingkah laku, tanpa tertakluk pada keadaan dan suasana tertentu kecuali diperlukan untuk menggantikan kerana darurat seperti bencana alam atau perang dan rukhsah seperti kecederaan dan permusafiran, yang hanya melibatkan bahagian Rukun Islam atau pengamalan fikah.

Selain perbezaan dari sudut *d}awa>bit*, skop perbincangan petanda akhir zaman turut meletakkan jurang perbezaan, di mana petanda akhir zaman juga dibincangkan dalam kerangka agama dan ideologi bangsa tertentu malah diperkatakan oleh individu-individu mengikut

⁶² Muslim bin H{ajja>j, *S}ah}i>h*, ed. Muhammad Fu’a>d ‘Abd al-Ba>qi> (Beirut: Da>r Ihya>’ al-Tura>th al-‘Arabi>, t.t), 8.

⁶³ Habib Abu Bakar al-‘Adni>, *al-Usus wa al-Muntaliqa>t* (cet. ke-3, t.tp., Da>r al-Mu‘i>n, 2015), 43.

⁶⁴ Muslim, *S}ah}i>h*, 8.



tafsiran sendiri dan berbagai. Tuntas, skop perbincangan tentang petanda akhir zaman bersifat universal dan bukan hanya diambil berat oleh Islam sahaja. Universalisasi yang disebutkan di sini dikenali dalam dunia barat sebagai *eschatology*, gabungan dua tema dalam bahasa Yunani kuno “*eskhatos*” yang bermaksud pengakhiran dan “*logy*” yang bermaksud pengkajian⁶⁵, ia merujuk kepada perbincangan tentang masa depan yang akan dihadapi oleh manusia dan alam berpandukan petunjuk-petunjuk tertentu⁶⁶. Sama ada petunjuk tersebut berasal daripada teks keagamaan ataupun pemerhatian saintifik terhadap eko sistem alam ataupun prediksi (*personal eschatology*), istilah eskatalogi merangkumi semuanya secara leksikal⁶⁷. Mengikuti kajian berkaitan, istilah eskatalogi popular dan banyak digunakan pada pertengahan kurun ke-19 Masihi, khasnya merujuk perbincangan tentang pengakhiran dunia yang dikemukakan dalam Bible.

Pengaruh Bible terhadap eskatalogi sangat besar khususnya kepada masyarakat Barat sehingga tafsiran teks keagamaan yang lain seperti Judaisme (agama Yahudi) tenggelam malah ramai orang Yahudi terikut-ikut dengan tafsiran Bible. Hal ini terjadi ekoran wujudnya kekeliruan yang tidak ditangani dengan baik oleh agamawan Yahudi sendiri. Sehingga isu yang menjadi asas eskatalogi iaitu ‘*Messiah*’, sering menemui pertembungan antara pemahaman ortodoks dan konservatif, berkisar persoalan apakah dia seorang individu atau hanya sebuah metafora?⁶⁸

Selain tafsiran Bible, eskatalogi turut dibincangkan oleh peminat-peminat tafsiran saintifik, yang mana penumpuannya di luar daripada teks keagamaan. Misalnya dalam lapangan fizik, ahli-ahlinya membincangkan eskatalogi mengikut kerangka dunia realiti atau alam tabiat dan menjenamakan perbincangan tersebut sebagai “*Cosmic Eschatology*”. Penjenamaan ini dikenalpasti mula diperkenalkan oleh Jackelen, Moltmann dan lain-lain sebagai perimbangan kepada eskatalogi menurut teks Bible, yang dilihat eksklusif dibincangkan oleh pendeta-pendeta, pastor dan cendekiawan Kristian.

Menurut Jackelen, meskipun dikatakan perimbangan tetapi idea dan hujah tentang eskatalogi memihak kepada tafsiran kosmik-saintifik kerana akhir zaman berkait dengan alam dan masa kejadiannya di dunia ini. Sekalipun teologi-Kristian rancak memberikan tafsiran, akan tetapi tafsiran tersebut tidak lebih daripada khayalan, jauh daripada ketepatan dan penuh kekarutan. Ia bukan sebuah tuduhan malah berdasarkan bukti-bukti yang telah diteliti pada masa lampau. Bible tidak pernah terbukti berjaya menafsirkan kejadian-kejadian dengan betul,

⁶⁵ Eschatology – Definition, Meaning & Synonyms, <https://www.vocabulary.com/dictionary/eschatology>.

⁶⁶ Watak utama yang menjadi petunjuk akhir zaman ialah Nabi Isa AS. Dalam kepercayaan Kristian, kekembalian Isa AS kali kedua ke dunia dibahagikan kepada Premillennialism, Postmillennialism dan Amillennialism. Lihat Anthony Hoekema, “Amillennialism”, http://www.the-highway.com/amilc_Hoekema.Html#Implications.

⁶⁷ Britannica, “Eschatology”, <https://www.britannica.com/topic/eschatology>.

⁶⁸ Kufmann Kohler, Jewish Encyclopedia, <https://www.jewishencyclopedia.com/articles/5849-eschatology>.



sekalipun yang besar dihadapi oleh manusia seperti kebinasaan sejagat (*Armageddon*). Justeru, eskatalogi mesti ditafsir dengan tafsiran bertenaga, sinergi dan rasional sepertimana tersedia melalui tafsiran saintifik. Hal ini adalah waras, setelah mendapati tafsiran teologi-Kristian bermasalah dan menyimpang daripada realiti manusiawi⁶⁹.

Berlainan dengan kesudahan mengikut tafsiran Bible bahawa alam dan segala isinya musnah, dalam tafsiran saintifik, eskatalogi mentransformasi alam ini ke suatu bentuk baharu yang berbeza daripada sebelumnya. Bentuk baharu itu digambarkan alam bersatu dengan tuhan, iaitu segala kewujudan yang awalnya berbentuk biosfera (*biosphere*) bertukar kepada bentuk minda sfera (*noosphere*), atau Tipler melalui teorinya '*Omega Point Theory*' mendakwa segala yang wujud akan disatukan dalam sistem pengkomputeran tunggal yang maha canggih⁷⁰. Satu dakwaan yang terang-terangan membelakangi doktrin *apocalyptic*-Kristianisme, yang mana kemudian membuka ruang kepada idea "*Scientology*" (sainsologi) yang diasaskan oleh L. Ron Hubbard, ideologi dan pegangan agama moden yang popular dianuti masyarakat Barat pada hari ini⁷¹.

Bagi peminat teori '*Omega*' Tipler, mereka mempunyai satu suara menyatakan bahawa Bible tidak berupaya memenuhi keperluan pengetahuan berkenaan pengakhiran kehidupan dunia ini, kerana kekembalian Jesus tidak mempunyai sebarang makna sekiranya hanya bertujuan menyelamatkan manusia. Manusia akan tetap mengulangi dosa serta kesalahan seperti biasa kerana kejadian fizikal dan biologi kejadian mereka kecuali mereka berubah kepada suatu bentuk lain yang baharu, atau bentuk kesedaran minda (*consciousness*) yang memastikan infiniti berlaku tanpa sangsi⁷².

Didapati tafsiran eskatalogi yang diberikan oleh Bible membuka ruang yang banyak kepada kerumitan tafsiran saintifik. Impaknya paling besar ialah timbul kesangsian terhadap teks dan konteks Bible itu sendiri, khususnya berkenaan pegangan *na>su>t-la>hu>t* (penjelmaan manusia-tuhan) Jesus. Bagaimana tuhan mampu kembali ke dunia sekali lagi sebagai manusia setelah dia gagal menyelamatkan manusia sekalian sebelumnya!? Persoalan ini apabila dibawa kepada Islam, ia dari awal telah menutup pintu kepada kerumitan terbabit mahupun segala kerumitan yang lain. Islam telah menyediakan nas dan panduan yang jelas membincangkan tentang eskatalogi. Setiap perbahasan yang terkeluar daripada nas dan panduan terbabit, ia tidak memberi sebarang makna dan faedah, dihukumkan seleweng dan boleh menyesatkan. Khulasah ini menjadi mukadimah kepada perincian *Fiqh al-Tah}awwula>t* yang akan dikemukakan selanjutnya.

⁶⁹ Mark Pretorius, "Shaping eschatology within science and theology", ISSN 1609-9982 = VERBUM ET ECCLESIA JRG 28(1)2007, 2.

⁷⁰ Mark Pretorius, "Shaping", 194.

⁷¹ Hall, Timothy L, *American Religious Leaders*. (New York: Infobase Publishing, 2003, ISBN 978-0-8160-4534-1), 175.

⁷² Mark Pretorius, "Shaping", 195.



FIQH AL-TAH{AWWULA>T DAN PENUMPUAN NAS SYARAK

Nas syarak yang dimaksudkan di sini ialah kenyataan atau keterangan yang dijadikan panduan beragama dalam Islam. Secara lebih jelas, perkataan nas yang berasal daripada Bahasa Arab ‘nas}’ ditakrifkan sebagai ‘sesuatu yang menambahkan pencerahan ke atas kezahiran makna ucapan yang diucapkan’⁷³, atau berkaitan dengan sumber bertulis, nas} bermaksud ‘suatu yang tidak menanggung melainkan makna tunggal, atau dikatakan tidak menanggung takwil’⁷⁴. Manakala syarak yang diambil daripada asal perkataan Bahasa Arab ‘al-Shar’ yang bermaksud ‘ibarat tentang penerangan dan pencerahan’⁷⁵. Atau diambil daripada perkataan ‘al-Shari>’ah’ iaitu ‘arahan beriltizam dengan peribadatan’ atau dikatakan ‘jalan beragama’⁷⁶.

Perkaitan nas syarak dengan Islam adalah perkaitan yang mustahil diceraikan, sehingga apabila dilafazkan ‘Islam’ maka ia bermakna syarak atau nas syarak, sepertimana ditafsirkan Ibn al-Athi>r “syarak’ atau ‘nas syarak’ adalah apa yang ditetapkan Allah SWT ke atas hamba-hamba-Nya daripada urusan agama, Dia memfardhukan agama (Islam) ke atas mereka. Oleh itu bila dikatakan, sesungguhnya Allah SWT mensyariatkan agama Islam secara syarak iaitu bilamana terang dan jelasnya (nas)”⁷⁷. Terang dan jelas yang dimaksudkan di sini ialah difahami dan diamalkan oleh umat Islam, justeru, maksud ini mengisyaratkan bahawa nas syarak mesti disampaikan kepada mereka, dan proses penyampaian terbabit dinamakan sebagai ‘tashri>’ (pensyariatan). Dr. Yusuf Hamid dalam bukunya *al-Maqa>sjid* mentakrifkan ‘tashri>’ sebagai ‘kaedah penetapan hukum-hukum serta perundangan yang juga dikenali dengan ijtihad’⁷⁸.

Berkenaan perkaitan nas syarak dengan *Fiqh al-Tah}awwula>t* pula, skop nas syarak ditumpukan pada keterangan wahyu sama ada ayat *al-Qur’a>n* dan hadis yang memperkatakan tentang akhir zaman. Keterangan ini dijadikan rujukan primer kupasan dan perbahasan *Fiqh al-Tah}awwula>t*. Habib al-‘Adni> meletakkan beberapa kriteri tertentu bagaimana berinteraksi dengan keterangan terbabit:

Pertama: Tafsiran Kejadian Akhir Zaman Mesti Dalam Kandungan Nas Syarak

Setiap yang keluar daripada rangkuman terbabit, ia boleh diterima sebagai pandangan

⁷³ ‘Ali> bin Muh}ammad, *al-Jurja>ni>*, *al-Ta’rifat>*, ed. Muh}ammad Ba>sil ‘Uyu>n al-Su>d (cet. ke-3, Beirut: Da>r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009), 237.

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ *Ibid.*, 130.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Majid al-Di>n Ibn al-Athi>r, *al-Niha>yah fi> ghari>b al-H{adi>th* (jil. ke-2, Kaherah: T}aba’ah ‘Isa> al-H{alabi>, t.t), 231.

⁷⁸ D. Yusuf Hamid al-‘A<lim, *al-Maqa>sjid al-‘A<mmah li al-Shari>’ah al-Isla>miyyah* (cet. ke-2, Riyadh: al-Da>r al-‘A<lamiyyah li al-Kita>b al-Isla>mi>, 1993), 21.



tersendiri yang memberi faedah maklumat, selama mana tidak melanggar syarak⁷⁹. Sebagai contoh, tafsiran berkenaan Yakjuj dan Makjuj sebagai bangsa Mongolia yang berasal dari negara China. Tafsiran ini diberikan oleh Hamdi bin Hamzah Abu Zayd dalam tulisannya yang berjudul *Baya>n asra>r Dhi al-Qarnayn wa Ya'ju>j wa Ma'ju>j* (Penjelasan Rahsia-Rahsia Zulkarnain dan Yakjuj-Makjuj).

Hamdi menjelaskan perkataan 'Yakjuj-Makjuj' berasal daripada Bahasa Cina kerana mereka dikenalpasti sebagai penghuni di benua Asia. Benua tersebut yang juga dikenali dengan panggilan 'Benua Kuda' adalah merujuk kepada kemahiran bangsa Yakjuj-Makjuj menunggang kuda dan memanah. Mereka yang sediakala bengis dan bersikap superior, menganggap selain mereka adalah musuh dan penentang, sepertimana digambarkan oleh hadis Nabi SAW "kalian mengatakan tiada yang memusuhi kalian, dan kalian berterusan memerangi musuh sehinggalah keluar Yakjuj-Makjuj, bermuka lebar dan bermata sepet..."⁸⁰.

Dalam sejarah, bangsa yang digambarkan oleh hadis pernah mengalahkan umat Islam dengan dahsyat, ia berlaku pada kurun ke-13 Masihi iaitu di tangan Genghis Khan dan Hulagu⁸¹. Bangsa yang sama juga pada hari ini memiliki kekuatan ketenteraan terkuat dan terancang di dunia, ini berdasarkan petikan daripada laman GFP 2022 (Global Firepower) bahawa China – negara asal Yakjuj-Makjuj – berada pada kedudukan ke-3 daripada 142 negara dalam keupayaan militer dan dijangka teratas jika China berjaya mengekalkan pertumbuhannya dalam pertahanan darat, udara dan air tahun ini⁸². Hamdi menyatakan terdapat bukti sejarah di atas apa yang beliau perkatakan tentang Yakjuj-Makjuj malah mendakwa penggalian arkeologi di pergunungan Jianju-Hainan menemui penutup kawah keluli yang besar, ada kaitannya dengan tempat pengurungan Yakjuj-Makjuj di negara China⁸³.

Respon kepada hal itu, Habib al-'Adni> menegaskan bahawa kenyataan dan dakwaan Hamdi tersebut tidak menepati kenyataan nas syarak berkenaan perihal Yakjuj-Makjuj⁸⁴. Dalam *al-Qur'a>n*, Yakjuj-Makjuj dinyatakan keluar setelah dibuka gerbang kawah yang menutupi mereka semenjak zaman Zulkarnain⁸⁵. Waktunya adalah pada era pemerintahan Nabi Isa AS sepertimana dinyatakan dalam hadis "bilamana Allah mewahyukan kepada Isa AS: Sesungguhnya Aku telah mengeluarkan sekelompok hamba Ku, tiada satu kekuatan pun dapat membunuh mereka, lalu hamba-hamba Ku (Isa AS dan pengikutnya) menyelamatkan diri ke Tursina. Lantas Allah mengutuskan 'Yakjuj dan Makjuj, mereka [turun] ke setiap lembah

⁷⁹ Habib al-'Adni>, *al-Usus*, 376.

⁸⁰ Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *Musnad*, ed. Su'ayb al-Arna'u>t} (t.tp., Mu'assah al-Risa>lah, t.t.), 22331.

⁸¹ Fuad al-S}ayya>d, *al-Mughu>l fi> al-Ta>ri>kh* (Beirut: Da>r al-Nahd}ah al-'Arabiyah, 1970).

⁸² https://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.php?country_id=china.

⁸³ Habib al-'Adni>, *al-Usus*, 377.

⁸⁴ *Ibid.*, 380.

⁸⁵ *Surah al-Anbiya>'*: 96.



merosakkan'...'»⁸⁶.

Berdasarkan nas syarak, Yakjuj-Makjuj adalah makhluk yang tidak terkalah oleh manusia, rakus sehingga Tasik Tiberias kontang dihirup mereka serta angkuh sehingga berani menyerang Allah dengan tombak-tombak mereka⁸⁷. Mereka tidak dapat dibunuh sekalipun di tangan Isa AS melainkan baginda hanya berdoa kepada Allah SWT supaya Yakjuj-Makjuj dimatikan. Lantas Allah mengirim myiasis (infeksi larva pada kulit) yang membuatkan mereka derita sakit dan mati serentak. Setelah itu Allah mengutuskan angin beserta debu tebal bagi menghilangkan bangkai mereka yang membusuk dan kemudian dicampakkan bangkai tersebut ke lautan⁸⁸. Oleh itu tafsiran bahawa Yakjuj-Makjuj sudah bebas daripada kurungan, bergaul dengan bangsa manusia dan melahirkan keturunan campuran, bahkan di dakwa bahawa bangsa eropah adalah pewaris Yakjuj-Makjuj adalah menyalahi nas syarak. Tafsiran ini yang dibina di atas alasan kerosakan yang banyak dilakukan oleh manusia di barat, ini termasuklah peperangan, pembunuhan, penipuan, komplot dan konspirasi.

Persoalannya, jika bangsa eropah atau Cina adalah keturunan Yakjuj-Makjuj kerana merosakkan, bagaimana untuk menjustifikasi kerosakan yang sama dilakukan oleh bangsa-bangsa lain seperti bangsa Arab atau Melayu dan lain-lain, khususnya yang beragama Islam? Bagaimana pula untuk menjustifikasi individu berbangsa eropah atau Cina yang beragama Islam, atau tidak mahu melakukan kerosakan sebaliknya cintakan keharmonian sebagai keturunan Yakjuj-Makjuj? Jelasnya, adalah sukar untuk menjustifikasi identiti Yakjuj-Makjuj daripada keumuman bangsa-bangsa tertentu di dunia ini. Kesukaran ini bukan sahaja mencabar rasionaliti bahkan mencabar keabsahan maklumat yang menjadi sandaran tafsiran yang diberikan di atas.

Habib al-‘Adni> secara jelas menolak pandangan Yakjuj-Makjuj adalah bangsa *Varangians* hari ini atau bangsa-bangsa lain di dunia. Beliau menyuarakan, kebanyakan pengkaji yang menerima isu percampuran Yakjuj-Makjuj dengan manusia dan melahirkan zuriat hibrid pada hari ini tidak dengan terang melanggar keterangan *al-Qur’a>n* atau hadis, tetapi terikut-ikut dengan cuplikan pengteori konspirasi khasnya mereka yang memetik daripada Bible. Habib al-‘Adni> tidak berseorangan dalam penolakan ini, beliau dipersetujui oleh Shaykh Hamud al-Tuwaijri> dalam bukunya *Ithja>f al-Jama>‘ah*⁸⁹ dan Shaykh Muhammad bin Yusuf al-Ka>fi> al-Tu>nisi> dalam karyanya *al-Masa>‘il al-Ka>fiyah fi> baya>n wuju>b sjidq khabar Rabb al-Bariyyah*. Bahkan Shaykh Muhammad al-Ka>fi> memberi amaran kepada mereka yang mendakwa Yakjuj-Makjuj telah bebas dengan katanya

⁸⁶ Muslim, *S}ah}i>h}*, 2937.

⁸⁷ *Ibid*.

⁸⁸ Ali bin al-H{asan Ibn ‘Asa>kir, *Ta>rikh Dimashq*, ed. Umaru bin Gharamah al-‘Umaru> (jil. 47., t.tp., Da>r al-Fikr, 1415H), 507.

⁸⁹ Hamud bin Abdullah al-Tuwaijri>, *Ithja>f al-Jama>‘ah bima> ja>‘a fi> al-Fitan wa al-Mala>h}im wa ashra>t} al-Sa>‘ah* (jil.3., cet. ke-2, Riyadh: Da>r al-S}ami>‘i>, 1414H), 170.



“penutup kawah benar sabit [dalam nas syarak], ia tidak dibuka untuk Yakjuj-Makjuj [keluar] kecuali [saat sangat] hampirnya Kiamat. Sesiapa yang mendakwa penutup itu telah tiada di muka bumi ini, berpandukan [kata-kata] pengkaji-pengkaji Nasrani, walhal mereka tidak pernah menjumpai [bukti kehilangannya], dia [boleh] menjadi kafir”⁹⁰.

Setelah pengkaji meneliti sendiri dalam Bible, keterangan seperti migrasi Yakjuj-Makjuj ke eropah atau spesifiknya Russia (eropah timur), atau asal-usul mereka dari utara Jerusalem iaitu ditunjukkan kepada wilayah ‘*Meshech*’, sebuah nama silam bagi Russia barat yang mana pada hari ini dikenali sebagai Moscow, ditemui dalam Genesis 10: 2-3 dan Ezekiel 38: 15. Didapati, ada individu-individu yang menggunakan keterangan-keterangan Bible di atas – sama ada sedar atau tidak – mengaitkan dengan bangsa eropah atau rakyat Russia dan sekitarnya malah menyakini Presiden Federasi Russia sekarang, Vladimir Vladimirovich Putin sebagai berketurunan Yakjuj-Makjuj. Perkaitan sebegini membuktikan kelemahan dan kecacatan berfikir individu-individu terbabit dalam menafsirkan kejadian akhir zaman. Mereka jelas mengabaikan rangkuman nas syarak yang mana mereka berakhir sama ada tidak dapat menghubungkan bukti sebenar dengan kejadian akhir zaman atau terikut-ikut dengan dakwaan mahupun kepalsuan yang dikemukakan oleh orang lain. Terdapat berbagai lagi isu eskatalogi yang mesti ditafsirkan mengikut rangkuman nas syarak, akan tetapi pengkaji membawa isu Yakjuj-Makjuj sahaja di sini sebagai contoh pendekatan yang mesti diambil bagi isu-isu yang lain.

Kedua: Pembacaan Nas Syarak Secara Proaktif dan Induktif

Pembacaan pro aktif adalah pembacaan yang menumpukan maklumat-maklumat yang mesti ditekankan. Penekanan ini terarah kepada menjadikan maklumat-maklumat terbabit penting dan signifikansi bagi mengaitkannya dengan suatu isu atau membentuk konklusi atau juga melaksanakan tindakan tertentu. Taakulan berstrategi serta dalam konteks didedahkan dalam pembacaan proaktif bagi melatih penguasaan visualisasi minda pembaca terhadap input dan situasi yang bakal dijangkakan. Menimbulkan persoalan, menyoal pada diri sendiri secara rasional dan mencabar kesahihan maklumat atau aplikasi setiap fragmen teks adalah mesti bagi pembaca bagi memperolehi spektrum kefahaman yang lebih luas⁹¹. Antara lain, pembacaan proaktif bukan hanya membaca dan hanya menerima konklusi mengikut rentak penulis atau teks, tetapi menyelitikan diagnosis, analisis dan kritis tajam terhadap konteks yang dipersembahkan. Manakala pembacaan induktif pula ialah pembacaan menghasilkan makna terangkum di luar teks, atau juga dinamakan sebagai ‘jangkaan interen’ bagi memahami niat penulis yang tidak dibawakan dalam teks penulisannya. Idiom yang biasa merujuk definisi pembacaan induktif di sini ialah ‘*reading between the lines*’ (pembacaan di antara dua garis ayat)⁹².

⁹⁰ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 375.

⁹¹ <https://study.com/academy/lesson/what-is-active-reading-definition-strategies.html>.

⁹² <https://study.com/academy/lesson/making-inductive-deductive-inferences-about-a-text.html>.



Bagi pembacaan ke atas nas syarak berkenaan petanda akhir zaman, Habib al-‘Adni> mengklasifikasikan nas terbabit mengikut kategori pembacaan: **pertama**, nas yang memperangkakan kejadian atau perkara yang akan berlaku pada masa hadapan, bermula daipada saat kewafatan Nabi SAW sehingga berlakunya Kiamat. Kategori pembacaan nas ini dalam bahagian proaktif atau dinamakan oleh Habib al-‘Adni> sebagai ‘*ah}a>dith istiba>qiyah*’ (perbicaraan nas pendahuluan), iaitu nas-nas yang mendahului masa kejadian⁹³. **Kedua**, nas yang telah diperaku berlakunya sesuatu perkara atau kejadian pada masa lampau, dalam tempoh antara kewujudan Adam AS dan sebelum kerasulan Rasulullah SAW. Kategori pembacaan nas ini dalam bahagian induktif atau dikenali sebagai ‘*ah}a>dith istiqla>i’iyah*’ (perbicaraan nas yang diperakukan), iaitu nas-nas yang telah dikenalpasti kejadian dan masanya⁹⁴.

Metode pembacaan dan pengkategorian nas syarak yang diperkenalkan oleh Habib al-‘Adni> memerlukan telaah yang luas bukan sahaja ke atas nas-nas petanda akhir zaman malah terhadap sejarah, agama, siasah dan senario politik semasa. Kesemuanya mesti diikat dengan kunci utama iaitu membaca dengan penghayatan mendalam terhadap nas, syarat masa dan tempat tanpa mengutamakan pencarian individu dan tarikh haribulan tertentu. Bahkan mesti dinyatakan umum tanpa meramal atau memuntahkan keberangkalan akal kerana ramalan dan kebarangkalian terbabit berkesudahan meleset. Kesalahan ini yang biasa dilakukan oleh kebanyakan orang yang berbicara tentang petanda akhir zaman. Contohnya mereka meramal tarikh kemunculan Imam Mahdi dan menjangkakan beliau sebagai individu tertentu⁹⁵. Mereka telah melakukan kesalahan besar kerana asas ilmu berkenaan petanda akhir zaman tidak merujuk pada masa tertentu tetapi pada syarat tertentu sepertimana difahami daripada jawapan Nabi SAW “syarat Kiamat bilamana ibu melahirkan tuannya...”. Jawapan ini diberikan kepada Jibril AS setelah baginda SAW memperaku kealiman Jibril berkenaan waktu Kiamat “yang bertanya lebih mengetahui tentang [waktu]nya”⁹⁶.

Bilamana para peramal menjangkakan siapakah Imam Mahdi dan merencanakan pemiahannya, mereka melakukan kesalahan besar yang kedua, iaitu mereka telah mengangkat diri mereka sebagai wali-wali *abda>l* dan ‘*as}a>’ib* tanpa kelayakan, kerana dalam nas syarak, Imam Mahdi dibaiah di Mekah dan di Madinah oleh sejumlah *abda>l* dan ‘*as}a>’ib* daripada kalangan ulama dan salihin⁹⁷. Sebagaimana maklum, kelayakan sebagai ulama mahupun salihin memerlukan pengesahan khusus dalam kalangan ahlinya dan bukan sekadar dakwaan apatah lagi mendakwa sebagai *abda>l* dan ‘*as}a>’ib*. Kesalahan-kesalahan

⁹³ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 75.

⁹⁴ *Ibid.*, 76.

⁹⁵ *Ibid.*, 77, 80.

⁹⁶ Muhammad bin Ismail al-Bukha>ri>, *S}ah}i>h*, ed. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Na>s}ir (t.tp: Da>r Tawq al-Naja>h, 1422H), 59.

⁹⁷ Sulaiman bin al-Ash‘ath al-Sajista>ni>, Abu Daud, *Sunan*, ed. Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid (jil. ke-4, Beirut: al-Maktabah al-‘As}riyyah, t.t.) 107, hadis nombor 4276.



dalam isu Imam Mahdi ini sesuai dikembangkan lagi sebagai contoh bagaimana metode pembacaan proaktif dan induktif terhadap nas syarak dapat mengelakkan kesalahan-kesalahan tersebut.

Nas-nas yang jelas dan mendasar berkenaan Imam Mahdi, yang menjadi rujukan perbincangan tentang identiti dan kemunculannya, antaranya seperti: (1) “akan datang pada akhir umat ku khalifah yang membahagikan harta dengan seluas-luas pembahagian dan tidak menyimpannya dengan sekemas-kemas simpanan”⁹⁸; (2) “*al-Mahdi* daripada ku, berdahi luas, berhidung mancung, akan memenuhi dunia dengan saksama dan keadilan, sepertimana dahulunya ia dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman, beliau memerintah selama tujuh tahun”⁹⁹; (3) “tidak akan hilang dunia ini melainkan tanah Arab dimiliki oleh seorang lelaki daripada keturunan ku, diberikan namanya sepertimana nama ku”¹⁰⁰; (4) “jikalau berbaki dunia ini kecuali sehari, Allah akan panjangkannya sehingga seorang lelaki daripada ahli keluarga ku menguasai gunung Dailam dan Konstantinopel”¹⁰¹. Kemunculan Imam Mahdi paling dekat bilamana munculnya tentera *al-Sufya>ni* yang kemudian ditimbus oleh Jibril AS di Bayda>, sebuah kawasan di antara Mekah dan Madinah, semasa mengejar Imam Mahdi. Petanda kemunculan ini paling ketara diungkapkan oleh kebanyakan ulama berdasarkan sebuah hadis yang panjang diriwayatkan oleh Hudhayfah dan Ibnu Mas’ud RA¹⁰² dan lain-lain lagi, selain (5) hadis berkenaan pertempuran tiga anak raja, (6) kemunculan bendera hitam dari timur¹⁰³, (7) gerhana matahari dua kali dalam bulan Ramadhan¹⁰⁴ atau gerhana bulan pada awalnya kemudian diikuti gerhana matahari pada pertengahannya, yang belum pernah berlaku semenjak kejadian langit dan bumi¹⁰⁵.

Perihal identiti dan petanda kemunculan Imam Mahdi sangat jelas di sisi pihak yang membaca nas-nas berkenaannya secara proaktif dan induktif, sementara pihak yang tidak membaca sedemikian sama ada mereka sengaja mengabaikan nas-nas sokongan atau mengadakan konklusi mentah tentang Imam Mahdi, mereka akan berakhir mendakwa individu tertentu sebagai Imam Mahdi atau menafikan adanya kemahdian. Mereka menganggapnya sebagai metafora semangat kebangkitan Islam serta revolusi dan bukan individu penyelamat

⁹⁸ Muslim, *Sjah}i>h*, 4/2234, hadis nombor 2913.

⁹⁹ Abu Daud, *Sunan*, 4/107, hadis nombor 4285.

¹⁰⁰ Muhammad bin Isa al-Tirmi>dhi>, *Sunan*, ed. Ahmad Muhammad Syakir et.al (cet. ke-2, t.tp: Sharikah Mus}t}afa> al-Ba>bi> al-H{alabi>, 1395H/1975M), hadis nombor 2230.

¹⁰¹ Muhammad bin Zaid al-Qazwayni>, Ibn Majah, *Sunan*, ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi (jil. ke-2, t.tp: Da>r Ih}ya>’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t), 928, hadis nombor 2779.

¹⁰² Ahmad bin Ali, al-Khat}i>b al-Baghda>di>, *Ta>ri>kh Baghda>d*, ed. Dr. Muhammad Bashir Awad (cet. 1, Beirut: Da>r al-Gharb al-Islam}i>, 1422H/2002M), 40.

¹⁰³ Muhammad bin Abdullah al-Nisa>bu>ri>, al-H{a>kim, *al-Mustadrak*, ed. Mustafa Abdul Qadir Atho’ (jil. 4, Beirut: Da>r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1411H), 510, hadis nombor 8432.

¹⁰⁴ Muhammad bin Ahmad al-Ans}a>ri>, Syamsuddin al-Qurt}ubi>, *Tadhkirah bi ah}wa>l al-mawta> wa umu>r al-A<khira>*, ed. Dr. Al-S}a>diq bin Muhammad (Riyadh: Maktabah Da>r al-Minha>j, 1425H), 1208.

¹⁰⁵ Ali bin Umar al-Da>ruqt}ni>, *Sunan*, ed. Adil Ahmad Abdul Maujud (jil. 2, t.tp: Da>r al-Ma’rifah, 1422H/2001M), 65, hadis nombor 10.



akhir zaman, seperti yang berlaku kepada ramai yang mengikuti gerakan revolusi bertemakan agama atau haraki. Isu kemahdian sepertimana diringkaskan di sini telah dikemukakan oleh pengkaji dalam makalah lain yang tidak sesuai untuk dipanjangkan lebih lanjut di sini¹⁰⁶.

Dalam pemerhatian *Fiqh al-Tah}awwula>*, pembacaan proaktif dan induktif berperanan meletakkan sempadan *ja>mi'* (eksklusif) dan *ma>ni'* (preventif) terhadap isu kemahdian supaya isu ini terfokus dan tidak terdedah kepada kesalahan-kesalahan yang telah disebutkan terdahulu, atau juga kemasukan lain yang tidak masuk akal dan menyalahi syarak. Fakta-fakta yang mesti diterima tanpa takwil seperti: Imam Mahdi daripada keturunan *ahl al-bayt*; muncul di Hijaz; seorang wali Allah SWT – dikatakan berpangkat *Qut}b al-Ghawth* –; dibaiah kali pertama di antara *Rukn* dan *Maqa>m* (Masjidil-Haram) oleh para aulia' dan kemudian di Baitul Maqdis oleh sekalian muslimin, merupakan fakta-fakta induktif yang mampu menafikan dengan mudah dakwaan-dakwaan pihak tidak bertanggungjawab. Penerimaan fakta-fakta ini sepatutnya memberi kelegaan kepada umat Islam kerana mereka faham pelantikan Imam Mahdi termasuk dalam perkara *kha>riq lil-'a>dah* (luar biasa), tidak melibatkan orang awam malah tidak diketahui oleh mereka. Mereka hanya dianjurkan untuk membaiah dan menyokong Imam Mahdi setelah pelantikannya diperaku ulama thiqah, seperti ditegaskan oleh Nabi SAW “bilamana kalian mendengar panji-panji hitam telah muncul dari Khurasan, datangilah ia walaupun [kalian terpaksa] merangkak di atas salji”. Dalam riwayat lain “datangilah ia, sesungguhnya pada [kemunculan panji-panji itu] terdapatnya khalifah Allah al-Mahdi>”¹⁰⁷.

Fakta-fakta yang tidak perlu ditakwilkan berkenaan Imam Mahdi di atas dapat diperteguhkan kredibilitinya dengan pembacaan proaktif terhadap nas-nas lain yang menyokong. Habib al-'Adni> memberikan susunan jelas apakah nas-nas yang perlu diutamakan¹⁰⁸. Ia bermula dengan nas yang menyebut tentang suasana sebelum hampirnya kemunculan Imam Mahdi yang mana agama Islam dan umatnya mengalami kemerosotan yang dahsyat: “dunia dipenuhi penindasan dan kezaliman”. Perincian kemerosotan tersebut digambarkan dalam hadis lain seperti: terputus atau terhalang jaringan perhubungan darat, air dan udara yang biasa manusia gunakan disebabkan banyaknya perang dan komplot fitnah¹⁰⁹; pembunuhan besar-besaran “tidak akan muncul al-Mahdi> sehingga terbunuh 7 orang setiap daripada 9 orang”¹¹⁰; dan kekalahan total dirasai umat Islam di hadapan penindasan demi penindasan ke atas mereka “tidak muncul al-Mahdi> sehingga setengah daripada kalian meludah ke wajah yang lain (kerana kecewa dan rasa dikhianati)”¹¹¹.

¹⁰⁶ MohdHamidiIsmail, https://www.researchgate.net/publication/348741628_Gerakan_Jihadis_Modern_dan_Wacana_Kemahdian_Modern_Jihadist_Movement_and_Mahdism_Discourse

¹⁰⁷ Nua'im bin Hamad al-Marwazi>, al-Fitan, ed. Samir Amin al-Zuhayri> (Kaherah: Maktabah al-Tawh}i>d, 1312H), 896. Ahmad, *Musnad*, hadis nombor 22387.

¹⁰⁸ Habib al-'Adni>, *al-Usus*, 351-352.

¹⁰⁹ Nua'im, *al-Fitan*, 1000.

¹¹⁰ *Ibid.*, 958.

¹¹¹ *Ibid.*, 960.



Kemerosotan yang dialami Islam dan umatnya tidak menghalang keperibadian murni dan hati waja Imam Mahdi melakukan pengislahan sepertimana sabda Nabi SAW “memenuhi dunia dengan keadilan dan saksama”, bahkan dengan keperibadian ini Imam Mahdi diutuskan pada akhir zaman. Nas induktif ini diperincikan oleh hadis-hadis lain seperti: “dibaiah *al-Mahdi*> di antara *Rukn* dan *Maqa*>*m*, tidak disedari [mereka yang masih] tidur (lalai) dan [baiah terbabit] tidak menumpahkan darah”¹¹², isyarat kepada kesejahteraan yang melatar pelantikan Imam Mahdi tanpa persengketaan mahupun asabiah; menghapuskan bidaah “beliau berperang di atas [meninggikan] sunnah, mendirikan agama Islam pada akhir zaman sebagaimana Nabi SAW telah mendirikannya [dahulu]”¹¹³; menakluki dunia sepertimana ditakluki Zulkarnain dan Sulaiman AS; menyeru Islam ke belahan dunia bukan Islam, membatalkan akidah *al-Tathli*>*th* (*Trinity*); mengagihkan harta kekayaan dan melestarikan ekonomi dunia; menghapuskan transaksi berunsur riba dan politik wang kapitalisme, komunisme, feodalisme dan segala idealisme korupsi; menyatukan suara umat Islam di bawah sistem khalifah tulen, yang bukan rekaan parti, gerakan atau pertubuhan yang mencuri nama agama dan politik Islam; dan mengembalikan umat Islam kepada usul agama Islam dan menghentikan segala pertelingkahan yang terhasil daripada sikap melampau dan melulu, seperti yang digambarkan oleh Tawus “petanda *al-Mahdi*> [yang ketara], beliau sangat tegas dalam pekerjaan agama, pemurah dengan harta kekayaan dan pengasih terhadap orang-orang miskin”. Sebahagian peribadi cemerlang Imam Mahdi yang disebutkan di sini menyalahi kebiasaan orang ramai sehingga pada awal kemunculannya, segelintir ulama berasa tidak senang dengan fatwa dan hukum yang dikeluarkan Imam Mahdi¹¹⁴.

Selain daripada fakta-fakta keperibadian, nas-nas pembacaan proaktif lain menambah informasi tentang kemunculan Imam Mahdi seperti: kedengaran pekikan dari arah langit pada bulan Ramadhan mengumumkan kemunculan beliau yang hanya didengari oleh orang yang beriman, “sahabat RA bertanya: apakah pekikan itu wahai Rasulullah? Sabda baginda: ‘*Haddah*’ (suara nyaring dari arah langit) pada pertengahan Ramadhan iaitu pada malam Jumaat”¹¹⁵; membalas serangan tentera *al-Sufya*>*ni*> sehingga menganjak dan membunuh mereka di Syam; mengadakan perjanjian damai dengan Rom (timur) manakala raja-raja dunia pula memberi ketaatan, membuatkan bangsa Yahudi terheret patuh kepada peraturan Islam¹¹⁶; dan memperkukuhkan sistem saraan domestik dan keperluan keluarga nukleus dengan melestari hasil komoditi, agro dan ternakan¹¹⁷.

¹¹² *Ibid.*, 1040.

¹¹³ Sulaiman bin Ahmad al-Sha>mi>, Abu Qasim al-Tabara>ni>, *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tariq bin Iwadhillah (Kaherah: Da>r al-H{aramayn, t.t.), hadis nombor, 6540. Al-Tabara>ni>, *al-Mu'jam al-Kabi>r*, hadis nombor 2675.

¹¹⁴ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 351-352.

¹¹⁵ Nuaim, *al-Fitan*, 638.

¹¹⁶ Habib al-‘Adni>, *al-Usus.*, 353.

¹¹⁷ *Ibid.*, 352.



itu secara keseluruhannya berada dalam keadaan lemah dan tidak disatukan, mereka hanya dikuatkan dan disatukan dengan kehadiran Imam Mahdi¹²¹. Berdasarkan asas itu, dalam *al-Usus*, Habib al-‘Adni> mengkritik hujah dan pandangan yang menggambarkan gerakan jihad di Palestin sebagai *al-T{a}’ifah al-Mans{u}rah*, dengan anggapan gerakan terbabit sedang menyiapkan tempat kemunculan Imam Mahdi dengan menentang Yahudi di Baitul Maqdis¹²².

Habib al-‘Adni> turut mengkritik kekeliruan pandangan tentang pembukaan kali ke-dua Kota Konstantinopel di Turki oleh Imam Mahdi sehingga menyebabkan kemarahan Dajjal dan kemunculannya selepas daripada itu. Menurut Habib al-‘Adni>, kesalahan pandangan ini berpunca daripada ketiadaan semakan menyeluruh terhadap naratif hadis “berdirinya Baitul Maqdis [bilamana] hancurnya Yathrib. [Bila] hancurnya Yathrib keluarlah *al-Malh}amah* (perang besar). [Bila] keluarnya *al-Malh}amah* terbukalah *al-Qust}anti}niyyah*. [Bila] terbukanya *al-Qust}anti}niyyah* keluarlah Dajjal”¹²³. Dalam hadis lain, terdapat sebuah lagi kota besar yang akan dibuka pada akhir zaman iaitu Kota Rom. Imam Ahmad meriwayatkan “bilamana Abdullah bin ‘Amru bin al-‘A{s} RA bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kota yang akan dibuka, apakah *al-Qust}anti}niyyah* atau Kota Rom?, baginda menjawab: Kota Hercules mula-mula, iaitu Konstantinopel”¹²⁴. Apabila membaca kesemua naratif hadis tentang pembukaan dua kota di atas, Kota Konstantinopel tidak akan dibuka semula oleh Imam Mahdi tetapi beliau akan membuka Kota Rom atau juga disebutkan sebagai ‘*Madinah al-Kufi*’ (kota kufur) dalam riwayat Ibnu Abi Shaybah¹²⁵.

Ketiga: Etika Pembacaan Nas Syarak

Dalam *Fiqh al-Tah}awwula>t*, pembacaan nas bukan hanya bersifat kosong; menerima dan menukikan, bahkan pusat taakulan adalah berpaksikan akidah dan tasawwuf. Pemusatan ini diambil kira bagi meletakkan *Fiqh al-Tah}awwula>t* sebagai sebahagian medium dakwah, mengajak manusia ke arah melaksanakan amar makruf dan menjauhi nahi munkar, malah meraih keselamatan hidup dalam zaman fitnah akhir zaman¹²⁶.

Memusatkan akidah dan tasawwuf dalam pembacaan nas bermaksud meletakkan neraca akidah dan tasawwuf bagi setiap konklusi dan induktif yang dicapai daripada telaah dan pemahaman terhadap nas petanda akhir zaman. Ia bertujuan mengelakkan berlakunya *al-ifrat}wa al-tafri>t* (pengendalian dan pelampau) yang boleh mengeluarkan orang Islam daripada Islam dan menghalalkan darah mereka sebagai golongan murtad¹²⁷. Ini bermakna, setiap

¹²¹ *Ibid.*, 255.

¹²² Dr. Muhammad Ahmad Ismail al-Muqaddam, *Fiqh Ashra>t} al-Sa’a>h*, 225-232.

¹²³ Abu Daud, *Sunan*, hadis nombor 4294 Ahmad, *Musnad*, hadis nombor 22121.

¹²⁴ Ahmad, *Musnad*, hadis nombor 6645.

¹²⁵ Habib al-‘Adni, *al-Usus*, 256-257.

¹²⁶ *Ibid.*, 82.

¹²⁷ *Ibid.*, 114.



pembaca nas petanda akhir zaman tidak boleh melanggar sempadan yang dibentengi oleh akidah Islam dan tasawwuf, menghukum mana-mana muslim yang dilihat tidak sehaluan, melanggar kehendak nas atau bertindak mengikut kebanyakan orang ramai, ulama dan pemerintah sebagai kafir dan pengikut Dajjal, kerana mereka tidak berupaya memahami kehendak nas dan terpedaya dengan tipu daya pengikut Dajjal dan Iblis.

Kekurangan yang dialami oleh kebanyakan umat Islam ini telah dikhabarkan oleh Nabi SAW “sesungguhnya, di antara kedatangan Kiamat berlakunya *al-Harj*. Abu Musa bertanya: apakah *al-Harj*? Kami sangkakan ianya penipuan. Jawab Rasulullah: [ia adalah] pembunuhan. Sahabat memotong: tidak cukupkan kami memerangi musyrikin tiap tahun itu dan ini? Jawab baginda: bukan demikian maksudnya, akan tetapi pembunuhan dalam kalangan kalian [sendiri]. Sahabat bertanya lagi: apakah kami tidak berakal [pada waktu itu]? Sabda Nabi: ia dicabut daripada orang awam pada waktu itu, hanya sedikit sahaja daripada manusia diberikan akal dan berupaya melihat mereka berada di atas sesuatu (kebenaran). Berkata Abu Musa: apa yang diperlihatkan kepada mereka [tentang akhir zaman] akan diketahui oleh ku dan juga kalian. Apa yang mengeluarkan ku dan kalian daripadanya (zaman itu) telah disampaikan kepada kita oleh nabi kita SAW kecuali kita [sengaja mahu] keluar daripadanya sepertimana hari kita memasuki ke dalamnya (syirik) [dahulu]. Berkata al-H{asan: apa yang muncul daripadanya (akhir zaman) adalah seperti hari mereka (sahabat) [pernah] memasukinya [dahulu] melainkan *al-Salamah* (kesejahteraan) [Islam], lalu selamatlah hati (iman), tangan (amalan) dan lidah (ucapan) mereka”¹²⁸.

Setiap pembaca nas petanda akhir zaman mesti memperingatkan diri mereka sendiri dan umat Islam lain tentang adab Islam yang tinggi kerana keruntuhan moral dan akhlak yang berlaku pada akhir zaman adalah sangat dahsyat. Peringatan tersebut hendaklah diamal dan dipertontonkan supaya manusia dapat mengikutinya. Demikian menurut Habib al-‘Adni>, sikap dan manhaj yang dibawa oleh kelompok *al-Namt* { *al-Awsat* } (pendukung moderat) daripada ulama yang kebanyakannya adalah *ahl al-bayt* serta pengikut dan murid-murid mereka. Mereka berjaya menunjukkan cara yang terbaik menyelamatkan manusia daripada fitnah akhir zaman berdasarkan pengalaman yang mereka tempuhi daripada fitnah siasah, konflik, peperangan, pembunuhan dan sebagainya. Manakala manusia yang meninggalkan cara tersebut, mereka akan menemui kebinasaan dan mendapat seksaan yang lebih berat pada Akhirat¹²⁹. Imam al-Qurt}ubi> dalam tafsirnya menukilkan pesanan Nabi SAW bagaimana kebinasaan yang bakal diterima oleh umat Islam yang mengabaikan cara menghadapi fitnah akhir zaman “akan berlaku fitnah pada segelintir kalangan sahabat ku, Allah ampunkan [dosa] fitnah tersebut bagi mereka disebabkan *suh}bah* (bersahabat) mereka dengan ku. [Akan tetapi, ada] manusia selepas daripada itu mengulangi kesalahan para sahabat [tersebut] lalu Allah masukkan manusia-manusia itu ke dalam neraka”¹³⁰.

¹²⁸ Ibnu Majah, *Sunan*, hadis nombor 3959.

¹²⁹ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 115.

¹³⁰ Syamsuddin al-Qurt}ubi>, *al-Tafsi>r* (jil. 3, t.tp: al-Da>r al-Manthu>r, t.t.), 391.



Sudut akidah dan tasawwuf sangat dititik beratkan dalam *Fiqh al-Tah}awwula>t* oleh kerana ia menjadi wadah survival umat Islam pada zaman akhir, yang mana bukan sahaja pada ketika itu kalangan awam ditewaskan malah para ulama. Menurut Habib al-‘Adni>, umat Islam tewas dengan kehairanan yang berlangsung dari segenap sudut, mereka tidak dapat membezakan antara sumber benar yang menjelaskan dengan pihak batil yang menjarah akal, badan dan pemilikan mereka, sehingga akidah mereka berjaya dirosakkan¹³¹. Beliau mengemukakan hujah ini berpandukan nas “akan berlaku fitnah-fitnah [yang dahsyat sehingga] berpagian seorang lelaki yang beriman [akan tetapi] pada petangnya dia menjadi kafir, melainkan mereka yang Allah hidupkan mereka dengan ilmu (hidayah)”¹³². Hal ini berpunca daripada kelemahan umat Islam dalam menguruskan perihal kehidupan, ekonomi, pendidikan dan pentadbiran negara. Mereka mengbabaikan petunjuk Nabi SAW dalam setiap aspek dan ini menjadikan mereka naif seperti buih-buih di lautan¹³³.

APLIKASI DAN KEPENTINGAN *FIQH AL-TAH}AWWULA<T*

Berbeza dengan Ilmu Fikah yang mesti diaplikasi secara kolektif, *Fiqh al-Tah}awwula>t* mensasarkan kefahaman dan pengamalan individu dan ahli keluarganya. Ukuran ini dapat dikenal pasti pada kelenturan panduan yang terdapat pada *Fiqh al-Tah}awwula>t* yang menumpukan implikasi keselamatan dan kesejahteraan umat Islam dengan cara mereka sendiri, kerana suasana sinonim dengan akhir zaman “seumpama cebisan malam gelap gelita”, manusia tidak mampu mengenal siapakah yang mesti mereka memihak dan siapakah pula yang mesti mereka jauhi. Seheinggakan Nabi SAW menyuruh “jadilah kalian [seperti] *ah}la>s* (pelapik) rumah kalian”¹³⁴, melazimi ibadat dan mengelakkan diri daripada muncul dalam kancas fitnah akhir zaman. Persoalan yang mungkin timbul di sini ialah, bagaimana perintah Nabi SAW “wajib kalian bersama jemaah”¹³⁵ iaitu ‘*al-Firqah al-Na>jiyah*’ Mazhab Ahlu Sunnah wal Jama’ah kerana mereka adalah majoriti umat Islam yang telah dijamin terselamat daripada kesesatan? Tidakkah hadis ini bertentangan dengan konsep yang dipersembahkan oleh *Fiqh al-Tah}awwula>t*?

Menjawab persoalan ini, ia mesti difahami daripada dua sudut. **Pertama**, pengaplikasian *Fiqh al-Tah}awwula>t* adalah berdasarkan situasi yang menimpa umat Islam. Lebih tepat situasi tersebut ialah perubahan senario rencam yang mengancam dan memudharatkan umat Islam. Justeru, pengaplikasian *Fiqh al-Tah}awwula>t* bersifat sinkronik, semasa dan aktual, bertepatan serta bersesuaian dengan kejadian atau petanda akhir zaman. **Kedua**, panduan dan rujukan *Fiqh al-Tah}awwula>t* adalah manhaj Ahl Sunnah wal Jama’ah tanpa sedikit terkeluar daripadanya. Bahkan memasukkan kaedah yang tersedia tanpa implementasinya dalam syariat

¹³¹ *Ibid.*, 101.

¹³² Ibnu Majah, *Sunan*, hadis nombor 3904.

¹³³ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 102.

¹³⁴ Abu Daud, *Sunan, Kitab al-Fitan wa al-Mala>h}im*, hadis pertama.

¹³⁵ Al-Tirmi>dhi>, *Sunan*, hadis nombor 2091.



sepertimana kaedah pensyariatian di Madinah selepas hijrah, sekalipun kaedah terbabit telah diobligasi di Mekah semasa permulaan dakwah Islam.

Kaedah ini bukan penambahan baharu tetapi fungsinya diperlukan mengikut syarat-syarat tertentu. Sebagai contoh, pada permulaan dakwah Islam di Mekah, para sahabat RA ada yang terpecah di antara satu dengan yang lain. Di antara mereka tidak dapat berhimpun di Da>r al-Arqa>m maka mereka menunggu utusan Rasulullah SAW di rumah masing-masing bagi mendengar apa yang telah disampaikan oleh baginda, seperti yang berlaku ke atas Sa'id bin Zaid, isterinya Fatimah, Khabab bin al-Arat dan lain-lain¹³⁶. Cara ini dibenarkan pada ketika itu sekalipun secara asasnya ia menyalahi konsep hijrah dan adab *suh}bah* bersama Rasulullah SAW¹³⁷. Ia dibina diatas faktor menyelamatkan nyawa para sahabat RA daripada diseksa atau dibunuh oleh musyrikin Quraisy yang mengetahui perhimpunan orang Islam di Da>r al-Arqa>m. Selain itu, ia bertujuan mengelakkan para sahabat yang dikira naif ditimpa fitnah, ugutan dan sekatan musyirikin di samping melatih para sahabat bersikap waja, berkorban demi menyebarkan Islam dan menyelamatkan saudara seislam yang lain¹³⁸.

Berpandukan pemahaman ini, *Fiqh al-Tah}awwula>t* turut mengambil kira situasi rencam akhir zaman yang dialami umat Islam termasuk juga kedhaifan mereka, di samping mengambil maklum ketiadaan solusi tuntas menangani kerencaman tersebut. Kenyataan ini dipetik daripada ucapan Habib al-‘Adni> sendiri:

“Adapun apa yang berlaku pada zaman kita ini, daripada keterbalikan situasi dan perubahannya yang drastik, kerosakan akhlak dan kejelikan moral yang menggantikannya, ditambah dengan kemunculan perkara-perkara yang amat dahsyat keburukannya, diikuti peristiwa demi peristiwa yang sangat besar dan pencapaian teknologi yang semakin canggih, tetapi tidak pula saya melihat sesiapa pun yang berusaha mengumpulkan apa yang disaksikan berlaku itu dan mengkajinya dari sudut kaca mata nas *al-Qur’a>n* atau hadis-hadis nabawi. Sekalipun semuanya telah disebutkan dalam karya-karya yang membicarakan tentang syarat-syarat Kiamat malah terdapat bab khusus dalam kitab-kitab hadis, apa yang dilakukan setakat ini hanyalah membentangkannya secara mentah, yang mana pendekatan ini tidak memberi pencerahan pada kebanyakan orang awam, apatah lagi untuk mereka memahami pendekatan bagaimana yang sesuai untuk diambil”¹³⁹.

¹³⁶ Salih Ahmad al-Sha>mi>, *al-Si>rah al-Nabawiyah: tarbiyah ummah wa bina> dawlah* (cet. Ke-2, Beirut: al-Maktab al-Isla>mi>, 1423H), 25-25.

¹³⁷ Allah telah menjanjikan keluasan dan kemudahan bagi sesiapa yang berhijrah, dan memeluk Islam di tangan Rasulullah SAW adalah hijrah yang paling tinggi kedudukannya daripada hijrah-hijrah yang lain. Bahkan sesiapa yang terkorban sebelum mencapai tujuan hijrah maka ganjarannya telah disempurnakan oleh Allah SWT. Lihat lebih lanjut tafsir ayat 100 surah *al-Nisa>*’.

¹³⁸ Al-Sha>mi>, *al-Si>rah*, 25.

¹³⁹ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 121.



Oleh itu, dalam *Fiqh al-Tah}awwula>t* menekankan dakwah dan pergantungan terhadap diri sendiri, mengelak daripada fitnah, mengenal pasti musuh juga pihak yang terpedaya dengan musuh serta beberapa perkara lain lagi yang dikira tersedia dalam syariat, tetapi sesuai dan tepat diaplikasi pada akhir zaman. Secara lebih jelas, ia boleh disenaraikan sebagaimana berikut:

1. Mengambil inisiatif tersendiri berhadapan situasi yang boleh mengancam nyawa dan membahayakan keselamatan diri serta keluarga walaupun menyalahi pandangan orang ramai. Ini berdasarkan perintah Nabi SAW “ke atas kamu apa yang khusus bagi diri mu dan tinggalkan daripada urusan [yang diambil] awam”¹⁴⁰. Perintah meninggalkan pandangan ramai ini bukanlah tanpa penanda aras yang jelas, bahkan baginda memberitahu “apabila kamu telah melihat [berleluasa manusia] mementingkan diri sendiri, [mereka hanya] mengikut hawa nafsu, dunia memberi bekas [pada mereka lebih daripada Akhirat] dan apabila setiap orang yang memberi pandangan [hanya] menerima pandangannya sahaja, maka ke atas kamu apa yang khusus bagi diri mu...”¹⁴¹. Sesungguhnya pada ketika itu, kebanyakan manusia sudah hilang pertimbangan, kewarasan dan kemanusiaan. Ramai umara dan ulama tewas dengan dunia maka sudah pasti mereka tidak dapat membantu rakyat bawahan. Bahkan sesama rakyat tidak mampu membantu antara satu dengan yang lain.
2. Mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam kemudharatan fitnah akhir zaman yang datang dalam pelbagai bentuk, sama ada pergolakan politik, hiburan, perdebatan isu agama dan lain-lain. Mengelak di sini bukan bermaksud meninggalkan amar makruf dan nahi mungkar, ia tetap diseru tetapi mengikut tahap kemampuan setiap individu muslim. Setiap daripada fitnah yang disebutkan terdahulu mengumpun keterujaan dan menarik minat jiwa manusia yang ketagih kemasyhuran, keseronokan dan kepuasan duniawi. Ia tidak terbatas kepada mereka yang memiliki pangkat, harta dan pengaruh, malah sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada medium yang dapat meluahkan perasaan mereka – contohnya media sosial – termasuk dalam golongan yang diumpun fitnah akhir zaman. Nabi SAW telah mengingatkan perkara ini “orang yang paling bahagia [pada ketika itu, mereka] yang bertaqwa dan mengasingkan diri, [mereka] apabila menjelmakan diri tidak pula dikenali, apabila [mereka] duduk [mendamkan diri] tidak pula dilupakan. Sementara orang yang paling sengsara [pada waktu fitnah akhir zaman, mereka] yang lantang berpidato [memfitnah] atau penunggang fitnah”¹⁴²
3. Menyiapkan persiapan mental dan fizikal bagi menghadapi kemungkinan yang tidak terjangkau seperti bencana alam, peperangan, sekatan, provokasi, kecaman mahupun diskriminasi. Dalam perspektif *Fiqh al-Tah}awwula>t* persiapan berbentuk amalan salih

¹⁴⁰ Abu Daud, *Sunan*, hadis nombor 4341.

¹⁴¹ *Ibid.*

¹⁴² Nuaim, *al-Fitan*, 367.

atau ibadat dan ilmu pengetahuan adalah tunjang utama bagi menghadapi fitnah-fitnah akhir zaman. Ketaqwaan adalah kunci penting yang menjamin keselamatan pada fasa-fasa runcing fitnah, khasnya ketika kemuncak fitnah Dajjal¹⁴³.

4. Menyelidik dan menyaring maklumat secara teliti dan berwaspada supaya tidak terpedaya dengan maklumat palsu dan membahayakan. Pada akhir zaman, lidah-lidah berita dan informasi global telah dikuasai sepenuhnya oleh egen-egen Dajjal. Buktinya, sumber berita dan informasi tidak menyalurkan pengetahuan yang sewajarnya melainkan peratusan paparan daripada sumber terbabit lebih banyak mengajak orang ramai berhibur dengan hiburan lagha melalaikan, menampilkan perlakuan tidak bermoral dan mendoktrin ideologi yang bertentangan dengan nilai-nilai Islamik¹⁴⁴. Ini bertepatan dengan hadis “daripada syarat-syarat Kiamat, zahir kejelikan, kelucahan, perilaku jalang dan jiran yang rakus”¹⁴⁵. Kepalsuan yang melatari berita dan informasi diperakui bukan sahaja oleh ilmuwan Islam malah pengkaji barat sendiri. William G. Carr, bekas komander dan penulis menyatakan bahawa bangsa Yahudi – sebagai ejen Dajjal – setelah berjaya menguasai media massa global, mereka berusaha memasyarakatkan berbagai jenis keburukan moral¹⁴⁶. Ia bermula di eropah (Prancis dan England), kemudian ke Amerika dan seterusnya menjalar ke seluruh pelusuk dunia. Pada hari ini, negara-negara yang menerima masuk kandungan media massa terbabit, moral dan peradaban rakyat mereka dalam keadaan tenat dan ada yang telah hancur¹⁴⁷.

5. Melatih kepekaan dan cakna dengan setiap situasi yang berlaku, khasnya dalam urusan agama Islam. Sentiasa mengambil maklum bahawa kerosakan yang mula-mula menimpa umat Islam bermula daripada ulama dan umaranya. Dari segi logik, Dajjal mesti merencanakan sesuatu yang melumpuhkan institusi keilmuan dan kepimpinan Islam, kerana kedua-duanya merupakan benteng yang menyelamatkan umat Islam. Pada akhir zaman, kejayaan Dajjal di atas rencananya itu menyebabkan segelintir ulama dan umara mengelola serta melaksanakan arahan Dajjal. Ini yang ditakuti oleh Nabi SAW pada sabdaan baginda “selain Dajjal, [ada] yang lebih aku takuti ke atas umat ku – baginda mengulangnya tiga kali – . Sahabat bertanya: wahai Rasulullah, apakah ia yang tuan lebih takutkan ke atas umat tuan selain Dajjal? Baginda menjawab: ulama – dan umara – yang menyesatkan”¹⁴⁸. Oleh itu, umat Islam mesti mengambil perhatian serius terhadap situasi yang disebutkan oleh Nabi SAW ini dan berusaha sebolehnya mendekati ulama yang jujur dan amanah, yang langka pada akhir zaman ini.

¹⁴³ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 368.

¹⁴⁴ *Ibid.*, 294.

¹⁴⁵ Abu Bakar bin Abi Syaibah, *Musjannif*, ed. Kamal Yusuf al-H{u>t (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1409H), hadis nombor 37548.

¹⁴⁶ Carr, William G, *Dunia Ditakluk Zionis*, terj. Noor Mohamed b. Mohd Yousof (Gombak: Telaga Ilmu SDN. BHD, 2014), 24

¹⁴⁷ Habib al-‘Adni>, *al-Usus*, 295.

¹⁴⁸ Ahmad, *Musnad*, 5/145, hadis nombor 21334.



KESIMPULAN

Islam sebagai sebuah agama sempurna yang diredhai Allah SWT dan diturunkan kepada manusia akhir zaman dilengkapi dengan segala pengetahuan, solusi dan tindakan bagi menghadapi segala tribulasi kehidupan, khususnya fitnah-fitnah di ambang akhir zaman. Adalah janggal jika ada yang mendakwa ciri progresif Islam hanya membincangkan peningkatan beragama umat Islam dalam berakidah, bersyariat dan berakhlak tetapi meninggalkan perbincangan tentang kerencaman akhir zaman. Dakwaan sebegini pada dasarnya dicetuskan oleh musuh-musuh Islam bagi memperdaya umat Islam, supaya meninggalkan pengkajian terhadap petanda akhir zaman, dan seterusnya melupakan persediaan menghadapi fitnah zaman tersebut. Malangnya, segelintir ilmuwan dan tokoh dalam masyarakat Islam pada hari ini terpedaya dengan dakwaan terbabit dan menjadi lidah rasmi kepada musuh, menjauhkan umat Islam daripada mengenal petanda akhir zaman. Tuduhan yang biasa dilemparkan terhadap perbincangan akhir zaman ialah melampau, karut, berteori konspirasi, dan terkini di negara ini dihukum sebagai sesat dan *ruwaybid}ah*. Akibatnya, ramai umat Islam terjebak dalam kekeliruan dan turut bersekongkol dengan agenda musuh Islam, namun akhirnya umat Islam sendiri yang mendapat kemudharatan yang dahsyat. Dari sudut lain, isu akhir zaman diberi perhatian oleh masyarakat awam yang tidak mempunyai latar belakang ilmu yang mencukupi, di samping menganggap pihak berautoriti tidak menyalurkan penjelasan berilmiah dan memuaskan. Mereka melihat, isu akhir zaman dipolitikkan, disembunyi dan dilarang perbincangannya kerana menyentuh pihak-pihak berkepentingan. Semestinya keadaan ini mewujudkan pertembungan di antara pihak yang menghukum isu akhir zaman sebagai teori konspirasi dengan pihak yang menganggap isu ini sedang dieksplotasi dan dimanipulasi oleh organisasi tertentu atau kerajaan. Inilah yang sedang disaksikan berlaku dan tidak diragui dikotomi ini merupakan fitnah daripada fitnah-fitnah akhir zaman.

Ironinya, perbincangan tentang petanda akhir zaman tidak mempunyai metodologi khusus, jelas dan dikemaskini. Apa yang tersedia ada tidak lebih daripada paparan dan nukilan mentah yang membuka ruang takwilan dan tafsiran berbagai oleh pelbagai pihak, sama ada agamawan, ahli akademik mahupun orang awam. Bagi mereka yang optimistik, paparan dan nukilan mentah sebegini memadai sebagai panduan menghadapi fitnah akhir zaman dengan alasan ia telah memadai menyelamatkan generasi terdahulu. Maka pandangan optimistik sebegini masih boleh dikritik sekalipun ia mengandungi kebaikan tersendiri. Kebaikannya, orang Islam tidak membebaskan diri dan fikiran mereka terhadap suatu yang belum terjadi. Dari situ mereka dapat menumpukan pada usaha dan ibadat semasa yang dilakukan, dan mereka pasti selamat daripada terjebak dalam konspirasi yang menggunakan isu akhir zaman. Keburukannya pula, kepekaan orang Islam terhadap petanda akhir zaman rendah dan longgar. Ini membuatkan mereka terdedah kepada kemusnahan daripada perancangan jahat musuh Islam. Pertimbangan akal orang Islam terganggu dan boleh menyebabkan akidah serta amalan bersyariat mereka punah atau terbatal.

Bertitik tolak daripada itu, isu akhir zaman mesti dibahaskan secara ilmiah, memberi pencerahan dan berpandukan metodologi yang dikemaskini. Objektifnya untuk menyedarkan umat Islam apakah situasi terkini yang mereka sedang lalui dan hadapi, dan bagaimana untuk mereka menghadapi situasi tersebut. Asas-asas inilah yang membina *Fiqh al-Tah}awwula>t*



yang meletakkan nas syarak sebagai garis panduan membahaskan petanda akhir zaman. Daripada hasil pembacaan dan penelitian pengkaji terhadap *Fiqh al-Tah}awwula>t*, ia bukan sahaja menyediakan jawapan terhadap situasi akhir zaman daripada perspektif nas syarak malah solusi dan tindakan yang boleh menyelamatkan manusia daripada fitnah-fitnah akhir zaman. Amat wajar umat Islam pada hari ini mendalami gagasan pemikiran yang dikemukakan oleh Habib al-‘Adni> ini selaras dengan kelemahan dan kecederaan yang sedang dialami oleh dunia Islam, bahawa kita tidak diragui lagi berada pada ambang akhir zaman. Pengabaian dan keengganan segelintir umat Islam – ulama dan umara – mengakui apa yang dialami sekarang ini, juga menjadi salah satu petanda kita berada dalam fitnah akhir zaman. Begitu juga kecenderungan orang awam kepada tafsiran petanda akhir zaman yang tersasar daripada nas. Apa yang lebih penting untuk disadari bersama, perbincangan isu akhir zaman mengikut pengukuran syarak pada hari ini, bukan sekadar menyumbang kepada korpus penulisan dalam penilaian akademik malah jaminan menyelamatkan jiwa dan akidah individu muslim yang sedar.

RUJUKAN

- Muhammad bin Ismail al-Bukha>ri>, *S{ah}i>h*, ed. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Na>s}ir (Da>r Tawq al-Naja>h, 1422H).
- Muslim bin H{ajja>j, *S{ah}i>h*, ed. Muhammad Fu’a>d ‘Abd al-Ba>qi> (Beirut: Da>r Ihya>’ al-Tura>th al-‘Arabi>, t.t).
- Habib Abu Bakar al-‘Adni>, *al-Usus wa al-Muntalaaqa>t* (cet. ke-3, t.tp., Da>r al-Mu’i>n, 2015).
- Eschatology – Definition, Meaning & Synonyms, <https://www.vocabulary.com/dictionary/eschatology>.
- Anthony Hoekema, “Amillennialism”, http://www.the-highway.com/amilc_Hoekema.Html#Implications.
- Britannica, “Eschatology”, <https://www.britannica.com/topic/eschatology>.
- Kufmann Kohler, Jewish Encyclopedia, <https://www.jewishencyclopedia.com/articles/5849-eschatology>.
- Mark Pretorius, “Shaping eschatology within science and theology”, ISSN 1609-9982 = VERBUM ET ECCLESIA JRG 28(1)2007.
- Hall, Timothy L, American Religious Leaders. (New York: Infobase Publishing, 2003, ISBN 978-0-8160-4534-1).
- ‘Ali> bin Muh}ammad, al-Jurja>ni>, *al-Ta’rifa>t*, ed. Muh}ammad Ba>sil ‘Uyu>n al-Su>d (cet. ke-3, Beirut: Da>r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009).
- Majid al-Di>n Ibn al-Athi>r, *al-Niha>yah fi> ghari>b al-H{adi>th* (jil. ke-2, Kaherah: T}aba‘ah ‘Isa> al-H{alabi>, t.t).
- D. Yusuf Hamid al-‘A<lim, *al-Maqa>s}id al-‘A<mmah li al-Shari>‘ah al-Isla>miyyah* (cet. ke-2, Riyadh: al-Da>r al-‘A<lamiyyah li al-Kita>b al-Isla>mi>, 1993).
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *Musnad*, ed. Su’ayb al-Arna’u>t} (t.tp., Mu’assah al-Risa>lah, t.t).
- Fuad al-S}ayya>d, *al-Mughu>l fi> al-Ta>ri>kh* (Beirut: Da>r al-Nahd}ah al-‘Arabiyyah, 1970).

- https://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.php?country_id=china.
- Ali bin al-H{asan Ibn 'Asa>kir, *Ta>rikh Dimashq*, ed. Umaru bin Gharamah al-'Umaru> (jil. 47., t.tp., Da>r al-Fikr, 1415H).
- Hamud bin Abdullah al-Tuwaijri>, *Ith>a>f al-Jama>'ah bima> ja>'a fi> al-Fitan wa al-Mala>h}jim wa ashra>t} al-Sa>'ah* (jil.3., cet. ke-2, Riyadh: Da>r al-S}ami>'i>, 1414H).
- <https://study.com/academy/lesson/what-is-active-reading-definition-srategies.html>.
- <https://study.com/academy/lesson/making-inductive-deductive-inferences-about-a-text.html>.
- Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sajista>ni>, Abu Daud, *Sunan*, ed. Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid (Beirut: al-Maktabah al-'As}riyyah, t.t.).
- Muhammad bin Isa al-Tirmi>dhi>, *Sunan*, ed. Ahmad Muhammad Syakir et.al (cet. ke-2, t.tp: Sharikah Mus}t}afa> al-Ba>bi> al-H{alabi>, 1395H/1975M).
- Muhammad bin Zaid al-Qazwayni>, Ibn Majah, *Sunan*, ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi (jil. ke-2, t.tp: Da>r Ih}ya>' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.).
- Ahmad bin Ali, al-Khat}i>b al-Baghda>di>, *Ta>ri>kh Baghda>d*, ed. Dr. Muhammad Bashar Awad (cet. 1, Beirut: Da>r al-Gharb al-Isla>mi>, 1422H/2002M).
- Muhammad bin Abdullah al-Nisa>bu>ri>, al-H{a>kim, *al-Mustadrak*, ed. Mustafa Abdul Qadir Atho' (jil. 4, Beirut: Da>r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1411H).
- Muhammad bin Ahmad al-Ans}a>ri>, Syamsuddin al-Qurt}ubi>, *Tadhkirah bi ah}wa>l al-mawta> wa umu>r al-A<khirah*, ed. Dr. Al-S}a>diq bin Muhammad (Riyadh: Maktabah Da>r al-Minha>j, 1425H).
- Al-Tafsi>r* (jil.3, Beirut: Da>r al-Fikri, t.t.).
- Ali bin Umar al-Da>ruqut}ni>, *Sunan*, ed. Adil Ahmad Abdul Maujud (jil. 2, t.tp: Da>r al-Ma'rifah, 1422H/2001M).
- MohdHamidiIsmail, https://www.researchgate.net/publication/348741628_Gerakan_Jihadis_Moden_dan_Wacana_Kemahadian_Modern_Jihadist_Movement_and_Mahdism_Discourse
- Nuaim bin Hamad al-Marwazi>, *al-Fitan*, ed. Samir Amin al-Zuhayri> (Kaherah: Maktabah al-Tawh}i>d, 1312H).
- Sulaiman bin Ahmad al-Sha>mi>, Abu Qasim al-Tabara>ni>, *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tariq bin Iwadhillah (Kaherah: Da>r al-H{aramayn, t.t.).
- Al-Mu'jam al-Kabi>r*, ed. Hamdi bin Abdul Hamid (cet. ke-2, Kaherah: Maktabah Ibnu Taymiyyah, t.t.).
- Dr. Muhammad Ahmad Ismail al-Muqaddam, *Fiqh Ashra>t} al-Sa'a>h* (t.tp., t.p., t.t.).
- Salih Ahmad al-Sha>mi>, al-Si>rah al-Nabawiyyah: tarbiyah ummah wa bina>dawlah (cet. Ke-2, Beirut: al-Maktab al-Isla>mi>, 1423H).
- Abu Bakar bin Abi Syaibah, *Mus}annif*, ed. Kamal Yusuf al-H{u>t (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1409H).
- Carr, William G, Dunia Ditakluk Zionis, terj. Noor Mohamed b. Mohd Yousof (Gombak: Telaga Ilmu SDN. BHD, 2014).